

07 JAN 2002

Mahathir-Misuari/I

DR MAHATHIR MENGESAHKAN PENGHANTARAN PULANG MISUARI

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Nur Misuari, bekas gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM) yang ditahan di Malaysia pada November lepas kerana memasuki negara ini secara haram, dihantar pulang ke Manila hari ini, demikian disahkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bekas pemimpin Barisan Pembebasan Moro (MNLF) itu dihantar pulang bersama enam pengikutnya yang ditahan bersama beliau pada 24 Nov lepas di Pulau Jampiras di perairan Sabah, di luar Sandakan.

Dr Mahathir bagaimanapun tidak mahu mengulas lanjut apabila ditanya mengenai penghantaran pulang Misuari di persidangan berita selepas menyampaikan ucapannya di Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga di sini, hari ini.

Misuari dan enam pengikutnya melarikan diri ke Malaysia selepas percubaan untuk mencetuskan pemberontakan di selatan Filipina, gagal.

Penghantaran pulang beliau ke Filipina dilakukan lebih awal daripada tarikh 15 Jan yang diumumkan sebelum ini oleh Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo.

Beliau kemungkinan akan menghadapi tuduhan mencetuskan pemberontakan di selatan Filipina. Tuduhan memberontak di Filipina membawa hukuman penjara minimum 20-tahun dan maksimum 40 tahun.

Menurut laporan dari Manila, Misuari diserahkan kepada polis negara itu oleh pihak berkuasa Malaysia dan dibawa dari Kuala Lumpur ke bandar raya Lipa menggunakan pesawat pengangkut tentera C-130. Lipa terletak lebih kurang 80 km di selatan Manila.

Minggu lepas melalui peguamnya Elly Pamatong, Misuari mengemukakan permintaan bertulis kepada kerajaan Malaysia supaya membenarkannya memohon visa pelawat bagi membolehkan beliau pergi ke negara ketiga, khususnya Amerika Syarikat memandangkan pemimpin Islam kulit hitam Louis Farrakan dari pertubuhan 'Nation of Islam' telah mengatur jelajah syarahan ke 41 universiti di Amerika dan untuk menghadiri Persidangan Islam di Los Angeles.

Beliau juga telah memohon kepada Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) untuk mendapatkan suaka politik.

-- BERNAMA

HK SR AHH PR

Chong-Misuari/I

KAWALAN KETAT DI PERAIRAN SABAH WALAUPUN MISUARI DIHANTAR PULANG

KOTA KINABALU, 7 Jan (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat hari ini memberi jaminan kepada rakyat bahawa kawalan keselamatan di perairan Sabah akan terus dipertingkatkan walaupun bekas pemimpin Wilayah Autonomi Islam Mindanao Nur Misuari dan pengikut-pengikutnya telah dihantar pulang.

Chong yang juga Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negeri berkata oleh sebab itu penduduk tempatan tidak harus bimbang yang kawalan keselamatan mungkin tidak lagi baik seperti sekarang ini.

"Saya memberi jaminan kepada anda yang pasukan keselamatan kita akan menjaga terus menerus 24 jam...saya boleh memberikan jaminan itu," kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan pejabat Sri Pelancongan Sdn Bhd

di sini, hari ini.

Chong berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai laporan sebuah agensi berita asing, yang memetik kenyataan seorang pegawai Kementerian Dalam Negeri Malaysia yang pihak berkuasa di sini telah menghantar pulang Nur Misuari dan enam pengikutnya awal pagi ini selepas memasuki negara ini secara haram.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengesahkan Misuari dan pengikutnya telah dihantar pulang hari ini. Pada 24 Nov lepas, Misuari ditahan bersama enam pengikutnya di Pulau Jampiras, di perairan Sabah.

Misuari diburu oleh kerajaan Filipina kerana cuba mencetuskan pemberontakan terhadap kerajaan negara itu. Pulau Jampiras ialah pulau yang terdekat sekali dengan sempadan antarabangsa Malaysia-Filipina yang mengambil masa perjalanan lebih kurang 30 minit dengan bot dari Sandakan, di timur Sabah.

Ditanya sama ada Kerajaan Negeri berasa lega ekoran penghantaran pulang Misuari, Chong berkata: "Kita berasa lega bukan kerana beliau telah dihantar pulang, kita berasa lega kerana kawasan pantai kita, laut kita dan sempadan kita dijaga dengan baik sejak beberapa bulan lepas oleh pasukan keselamatan kita," kata beliau.

Bagaimanapun, Chong berkata pasukan keselamatan akan terus bersiap sedia dalam menghadapi apa-apa kemungkinan.

-- BERNAMA

NT PR